

## **Pengenalan perniagaan**

█████████████████████ telah ditubuhkan pada 1 Januari 2009. Butik ini beralamat di Tingkat Dua, Bangunan Ukir Mall, Jalan Sultan Badlishah, 05750 Alor Setar, Kedah. Perniagaan ini dimiliki oleh ██████████ iaitu saya sendiri. Sepanjang perniagaan ini dijalankan, saya dibantu oleh seorang pekerja yang bernama Nor Afiza binti Abdul Basir. Modal yang digunakan untuk memulakan perniagaan ini adalah sebanyak RM30 000. Saya menjual pakaian wanita yang terbaru di pasaran.

Tujuan saya memilih perniagaan jenis ini adalah kerana pada zaman sekarang, ramai wanita yang bekerjaya perlu nampak kemas dan berketerampilan . Selain itu, ramai wanita tidak mempunyai kemahiran menjahit baju. Mereka lebih suka membeli pakaian yang sedia dibuat. Mereka juga akan kesuntukan masa untuk menempah kain untuk dijadikan baju. Oleh itu, dengan adanya butik saya, para wanita hanya perlu memilih baju yang mereka suka tanpa mengambil masa yang lama.

Kelebihan di butik saya ialah, pakaian yang terdapat di butik saya adalah stail fesyen yang terbaru dan sesuai untuk wanita yang ingin nampak anggun dan bergaya ke tempat kerja, majlis-majlis di hotel dan sebagainya. Seterusnya, fabrik dan tekstil pakaian yang saya tempah sangat selesa dan menyerap peluh. Selain itu, harga pakaian di butik saya adalah berpatutan yang dapat mengurangkan kerugian dalam perniagaan sekaligus meminimumkan perbelanjaan. Lokasi perniagaan saya juga strategik kerana terletak di tengah-tengah pusat bandar dan terletak di bangunan baru yang akan membuatkan pelanggan selesa berurusniaga.

Risiko yang mungkin perniagaan hadapi ialah cita rasa pelanggan akan sentiasa berubah-ubah. Seterusnya, kerosakan dan kehilangan penempahan stok pakaian semasa pengangkutan juga salah satu risiko perniagaan untuk mengalami kerugian. Selain itu, saya sebagai pelilik perniagaan juga mungkin akan menanggung kerugian jika hal sedemikian berlaku.